

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 29.10.2015 (KHAMIS)

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana syarikat yang disyaki atau didakwa menjalankan kegiatan “gores dan menang”, dan nyatakan tindakan yang telah diambil secara terperinci, jika ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah peruntukan undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mana-mana syarikat, perniagaan atau perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang di bawah mana-mana perundangan, telah disabitkan dengan kesalahan tersebut oleh mahkamah dan maklumat tersebut dirujuk kepada SSM, tindakan-tindakan seperti berikut boleh diambil:

- (i) Pembubaran syarikat di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1965 (AS 1965);
- (ii) Pembatalan pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 5C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956);
- (iii) Pembatalan nama PLT di bawah Seksyen 51 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan
- (iv) Menyeneraihitam pengarah syarikat yang telah disabitkan kesalahan berdasarkan peruntukan Seksyen 130 AS 1965 berkaitan hilang kelayakan sebagai pengarah syarikat.

Sehingga 30 September 2015, sebanyak **2 buah perniagaan** yang telah disabitkan kesalahan berkaitan menjalankan aktiviti gores dan menang telah dirujuk kepada SSM dan telah diambil tindakan pembatalan pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 5C APP 1965.